

PM minta orang ramai fahami pendirian Musa

PARIT RAJA 10 Okt. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad meminta orang ramai supaya memahami pendirian Dato' Musa Hitam untuk bersara dari politik.

Perdana Menteri berkata pendirian Dato' Musa itu tidak bererti bahawa beliau tidak menyokong Barisan Nasional.

"Beliau kata beliau hendak bersara.

"Kadang-kadang kita ini kena bersara juga suatu hari," kata beliau.

Menjawab satu pertanyaan Dato' Sri Dr. Mahathir berkata beliau menghormati pendirian Dato' Musa termasuk keputusannya tidak akan balik berkempen.

"Dia tidak kempen tidak apa, sebab dia duduk jauh, hendak balik susah," ujarnya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika bercakap kepada para pemberita selepas berucap pada satu perhimpunan di rumah Menteri Kebajikan Masyarakat, Dato' Mustaffa Mohamed di sini hari ini.

Perdana Menteri juga berkata beliau menyifatkan kenyataan yang dikeluarkan oleh Dato' Musa semalam sebagai kenyataan ikhlas yang perlu dihormati oleh semua pihak.

Mengenai keputusan Dato' Shahrir Samad untuk menarik diri dari pencalonan, beliau berkata pendirian berkenaan merupakan pilihan Dato' Shahrir sendiri.

"Kita hendak dia bertanding. Tidak pernah kita lintas dalam hati tidak bagi dia bertanding.

"Dia pilih tidak bertanding, itu hak dia, an kita harus hormati hak dia," tegas Dato' Sri Dr. Mahathir.